

# **KEPENGARANGAN REALISME LENGKAP SASTERAWAN NEGARA RAHMAN SHAARI: ANALISIS NOVEL *CENGKAMAN HASRAT***

*COMPLETE REALISM WRITING OF NATIONAL LAUREATE RAHMAN SHAARI:  
AN ANALYSIS OF THE NOVEL CENGKAMAN HASRAT*

**Asyraff JAMIN\*<sup>1</sup>**

**Mary Fatimah SUBET<sup>2</sup>**

**Santrol ABDULLAH<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.

\*<sup>1</sup>asyraffjamin@gmail.com

<sup>2</sup>sufatimah@unimas.com

<sup>3</sup>asantrol@unimas.my

Corresponding Author\*

Received: 12<sup>nd</sup> January 2024

Accepted: 10<sup>th</sup> April 2024

## **ABSTRAK**

Kajian realisme mutakhir ini semakin mendapat sambutan dalam kegiatan kesusasteraan tempatan selepas beberapa ketika pernah disanggah dan ditolak daripada kegiatan kesusasteraan di negara ini. Sebagai aliran yang masih dalam fasa kebangkitan di negara ini, maka masih tidak begitu banyak kajian yang menggunakan teori ini dikesan di Malaysia. Dalam konteks karya-karya Sasterawan Negara pula, kajian realisme yang mengupas pemikiran Sasterawan Negara turut dikenal pasti masih tidak banyak dilakukan oleh pengkaji di negara ini. Oleh yang demikian, kajian ini mengupas pemikiran Sasterawan Negara Rahman Shaari dalam novelnya *Cengkaman Hasrat* (2015). Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) berlandaskan prinsip kritikan realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) bagi mengenal pasti pemikiran yang signifikan ke arah menambah baik kehidupan masyarakat di Malaysia secara khususnya. Kaedah kepustakaan turut digunakan bagi mengenal pasti hubungan dan kesan pemikiran Rahman Shaari terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Tiga objektif ditentukan, iaitu untuk menganalisis pemikiran realisme lengkap yang dikemukakan oleh Rahman Shaari dalam novel *Cengkaman Hasrat*, memperincikan hubungan dan impak pemikiran Rahman Shaari terhadap pembangunan masyarakat dan negara, serta mengemukakan kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya Sasterawan Negara. Kajian ini mendapati novel *Cengkaman Hasrat* sememangnya mengandungi pemikiran realisme lengkap yang berimpak terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

**Kata kunci:** kritikan realisme; Sasterawan Negara; Rahman Shaari; Lukacs; novel *Cengkaman Hasrat*

## ABSTRACT

The study of present realism has now received a lot of interest in local literature after being criticised and rejected for a while by literary activities in the country. As the country is in its developing phase, Malaysia has not yet conducted much research using this theory. In the context of the works of the National Laureate, the study of realism that examines the thoughts of the National Laureate is also identified as still not being done much by researchers in this country. This study therefore examines the thoughts of National Laureate, Rahman Shaari in his novel *Cengkaman Hasrat* (2015). This is a qualitative research using content analysis method of the novel *Cengkaman Hasrat* (2015) based on the principles of realism criticism by Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) in order to identify significance thoughts to improve the lives of people in Malaysia in particular. Library methods were also used to identify the relationship and impact of the National Laureate Rahman Shaari's thoughts on the development of society and the country. The three objectives determined are, to analyse the ideas of complete realism expressed by Rahman Shaari in his novel *Cengkaman Hasrat*, to detail the relationship and impact of the Rahman Shaari thoughts towards development of society and country, as well as presenting the strengths, advantages, and importance of the works of a National Laureate. This research finally revealed that the novel *Cengkaman Hasrat* does, in fact, include comprehensive realistic thinking that is founded on the growth of society and the nation.

**Keywords:** realism criticism, National Laureate, Rahman Shaari, Lukacs, novel *Cengkaman Hasrat*

## Pengenalan

Kemasukan realisme dalam sastera tempatan dilihat menjadi titik perubahan kepada bentuk sastera Melayu seperti yang dikenali dewasa ini. Sastera Melayu sebelum itu menurut Winstedt (1940) dianggap gersang kerana gemar menggunakan kiasan-kiasan yang melampau serta sering menggunakan meniru model-model asing. Namun, setelah munculnya karya-karya Abdullah Munsyi yang banyak berkisar tentang realiti kehidupan masyarakat, sastera Melayu dilihat mula berubah kepada bentuk baharu yang dianggap moden. Lantaran itu, R. J. Wilkinson, telah mengangkat Abdullah Munsyi sebagai bapa kesusasteraan Melayu moden (Winstedt, 1940). Sejak itulah realisme mula mengambil tempat dan memainkan peranannya dalam mengubah seterusnya memodenkan sastera Melayu.

Menyoroti sejarah kemunculannya, aliran realisme asalnya merupakan sebuah gerakan intelektual dan seni yang muncul di Perancis pada pertengahan abad ke-19M. Aliran realisme dalam kesusasteraan pula secara khusus diilhamkan oleh Stalin dan Gorky pada Kongres Penulis Soviet pada tahun 1934 (Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet, 2021). Pandangan ini kemudiannya diwartakan sebagai praktik dalam kegiatan kesusasteraan Russia pada era Stalin dan Zhdanov. Menurut Lukacs (1963), Gorky telah menetapkan fungsi sosial kesusasteraan terhadap masyarakat sebagai fokus aliran ini. Asasnya, idea ini tercetus berdasarkan idealisme Marxis yang memperjuangkan kesejahteraan kaum proletar atau masyarakat bawahan (Asyraff Jamin, 2018a). Justeru, Lukacs (1963) sebagai penerus aliran ini begitu menekankan penulis realis agar menjadikan kegiatan kesusasteraan sesuai dengan aktiviti keseluruhan masyarakat. Tambahnya, pengkarya realis tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosialnya semata-mata, sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosial mereka untuk mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan (Lukacs, 1990). Oleh yang demikian, dapat dijelaskan bahawa aliran ini tidak hanya menumpukan tentang realiti kehidupan semata-mata, malah turut mementingkan impaknya terhadap penambahbaikan kehidupan masyarakat.

Daripada sudut prinsipnya, realisme berusaha menggambarkan kebenaran berdasarkan realiti sebenar (Lukacs, 1963) dengan tujuan menghadirkan kesedaran kepada masyarakat tentang permasalahan yang wujud dalam kehidupan seharian seterusnya menggerakkan mereka untuk mengatasinya. Berteraskan idealisme Marxis, Lukacs (1990) telah memperkenalkan prinsip yang diistilahkan sebagai “humanis” sebagai nilai estetika aliran ini. Sehubungan itu, Lukacs (1990) telah menetapkan tiga kriteria yang perlu dipatuhi penulis dan karya realis bagi mencapai tahap estetika seperti yang dihasratkannya. Pertama, masyarakat haruslah diletakkan sebagai tatapan atau subjek utama dalam penulisan sesebuah karya sastera. Kedua, pengkarya realis haruslah memakai makna kehidupan sebagai sudut pandang untuk memperlihatkan realiti kehidupan masyarakat dalam penghasilan sesebuah karya. Ketiga, pengkarya realis hendaklah menjadikan masa sekarang (*present*) sebagai titik permulaan bagi masyarakat melupakan pengaruh masa lalu yang kurang baik seterusnya bertindak membaiki dan menambah baik kehidupan mereka pada masa hadapan.

Daripada sudut kritikan pula, aliran ini boleh dianggap suatu kaedah kritikan bagi melahirkan kesedaran masyarakat terhadap realiti-realiti yang berlaku dalam masyarakat (Asyraff Jamin, 2018a). Hal ini kerana realisme ialah teori yang diperoleh daripada proses merenung, memerhati serta melalui interaksi antara pengkarya dengan alam atau masyarakat yang menjadi subjek dalam sesebuah karya sastera (Lukacs, 1990). Proses ini seterusnya diistilahkan Lukacs sebagai “cerminan” atau *reflection* (Selden, 1991), iaitu sesebuah karya haruslah mencerminkan atau merefleksikan realiti kehidupan masyarakat secara benar, lengkap, hidup dan dinamik. Prinsip-prinsip inilah yang digunakan dan dijadikan panduan dalam meneliti pemikiran Sasterawan Negara (SN) Rahman Shaari (seterusnya Rahman Shaari) dalam novelnya *Cengkaman Hasrat* (2015).

SN merupakan anugerah tertinggi yang dianugerahkan kepada pengarang bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan mereka mengembangkan dan memajukan kesusasteraan di negara ini. Karya-karya SN bukanlah sekadar karya seperti yang biasa kita kenali, tetapi merupakan khazanah bangsa yang sangat bernilai. Karya-karya mereka sarat dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul (Mohamad Rosmizi Mahamad et al., 2020). Karya-karya SN juga dikenal pasti kerap membahaskan persoalan tentang kehidupan masyarakat merangkumi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Oleh yang demikian, kewujudan karya-karya ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, sebaliknya perlu digeledah dan diwacanakan kandungannya seperti saranan Maszlee Malik (2021) agar manfaat daripada karya-karya ini dapat difahami dan dinikmati masyarakat.

### Sorotan Literatur

Kajian yang mengupas karya-karya SN sememangnya telah banyak dilaksanakan di negara ini, sesuai dengan status atau prestij anugerah SN itu sendiri yang merupakan anugerah tertinggi kesusasteraan di negara ini. Selari dengan prestijnya, karya-karya SN sudah tentunya mempunyai mutu yang tinggi serta mampu menjadi pedoman dan panduan masyarakat khususnya pembaca. Mohamad Rosmizi Mahamad et al. (2020) menyatakan bahawa karya-karya SN sarat dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul yang mampu menjadi tunjang kepada fungsi intelektual ke arah membentuk pemikiran masyarakat. Faktor-faktor inilah yang mendorong kebanyakan pengkaji sastera untuk meneliti karya-karya SN. Antara kajian lepas yang mengupas karya-karya SN ialah kajian Rosmizi Mahamad et al. (2020), kajian Muhammad Irfan Nyia Abdullah et al. (2019), Mary Fatimah Subet (2017), Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) dan kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman (2015).

Kajian-kajian yang dilaksanakan ini telah menggunakan pelbagai teori dan kaedah dalam proses analisisnya. Fokus kajian-kajian ini juga terdiri daripada pelbagai elemen atau unsur sastera. Mohamad Rosmizi Mahamad et al. (2020) misalnya, memfokuskan keunggulan kepengarangan SN Anwar Ridhwan dengan memanfaatkan Teori Teksdealisme sebagai sandaran. Muhammad Irfan Nyia Abdullah (2019) pula menumpukan unsur perubahan pemikiran dalam puisi-puisi SN Muhammad Haji Salleh dengan menggunakan konsep operasional perubahan pemikiran sebagai asas analisisnya. Kajian Mary Fatimah Subet (2017) pula menggunakan Teori Relevans bagi mengesan unsur emosi dan ironi dalam puisi-puisi SN Usman Awang. Teori Retorik Moden pula dikesan digunakan oleh Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) untuk mengupas unsur dan elemen-elemen retorik dalam karya SN S. Othman Kelantan. Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) pula telah memanfaatkan Teori Konseptual Kata Kunci dalam menganalisis karya SN Anwar Ridhwan.

Kajian-kajian ini secara langsungnya telah dapat mengemukakan kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN. Mohamad Rosmizi Mahamad et al., (2020) telah menemukan unsur yang menjadi keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan pemenuhan terhadap empat prinsip Teori Teksdealisme. Muhammad Irfan Nyia Abdullah et al. (2019) pula berjaya mengenal pasti unsur perubahan pemikiran yang dipaparkan Muhammad Haji Salleh yang mengajak khalayak supaya sentiasa berfikiran positif, sanggup berubah demi kejayaan, berfikir sebelum bertutur serta menyelesaikan masalah secara bijaksana. Mary Fatimah Subet (2017) pula berjaya merungkai makna di sebalik ujaran dalam puisi-puisi Usman Awang. Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) pula telah menemukan jenis retorik yang digunakan S. Othman Kelantan serta kaedah pemanfaatan yang digunakannya, iaitu melalui penggunaan bahasa figuratif. Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) pula berjaya mengesan tiga konsep perjuangan yang menjadi inti utama novel *Penyeberang Sempadan* melalui penelitian terhadap kata-kata kunci yang bersinonim dengan konsep-konsep yang disampaikan.

Walaupun kajian terhadap karya-karya SN sudah banyak dilaksanakan, namun masih wujud sedikit kelompangan khususnya pada aspek pemanfaatan teori atau aliran sastera yang pelbagai. Dalam konteks kajian ini, kajian ini mendapati masih belum banyak kajian realisme terhadap karya-karya SN dalam korpus kajian sastera di negara ini. Kajian realisme secara total terhadap karya-karya sastera pelbagai genre di negara ini juga masih kurang dilaksanakan. Pengkaji mendapati bahawa kelompangan ini perlulah diisi agar dapat menambah seterusnya memperkaya korpus kajian sastera di negara ini khususnya bagi kajian-kajian yang meneliti dan mengupas karya-karya SN dan juga kajian realisme itu sendiri. Hasil sorotan terhadap kajian realisme sedia ada hanya menemukan beberapa kajian realisme terhadap karya sastera pelbagai genre di negara ini. Antara kajian tersebut ialah kajian Chin (2021), kajian Theng (2015) dan Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet (2021, 2020, 2019, 2018b dan 2018c).

Roslan Chin (2021) dikesan menggunakan Teori Realisme Lukacs bagi menganalisis karakteristik realisme cerpen-cerpen dalam antologi *Sewangi-wangi Tulang* bagi mengenal pasti tampak realisme yang dipaparkan penulis dan juga bagi melihat penterjemahan unsur realisme terhadap situasi masyarakat. Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet (2021) pula telah memanfaatkan prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) dalam penelitian mereka terhadap pemikiran penulis Indie ke arah membangunkan ekonomi masyarakat Malaysia. Prinsip-prinsip realisme Lukacs terus dimanfaatkan oleh Jamin & Subet dalam beberapa lagi kajian mereka, yang antaranya digunakan dalam kupasan tentang wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie (Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet, 2020), kupasan tentang nilai pendidikan dalam karya Indie yang dianggap sebagai sastera kontemporari (Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet), seterusnya dalam penelitian terhadap pemikiran ke arah menghapuskan prejudis perkauman yang disampaikan dalam novel *Kunang Pesisir Morten* (Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet, 2018b) dan juga dalam kajian mereka yang meneliti kritikan dan saranan penulis Indie terhadap sistem pendidikan Malaysia (Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet, 2018c). Yau (2015) pula dalam kajiannya telah mengenal pasti pemikiran penulis Mahua, Tuo Ling dan Yun Lifeng dalam cerpen-cerpen mereka. Dapatan daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa karya-karya yang dikaji sememangnya ditulis berdasarkan realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Aspek kesan pula menunjukkan kajian-kajian ini dapat pemikiran yang disampaikan penulis mampu menggerakkan masyarakat memperbaiki dan mengatasi realiti-realiti yang kurang baik yang selama ini menghalang pencapaian kehidupan “humanis”.

Hasil sorotan terhadap kajian-kajian realisme terhadap karya-karya SN pula didapati hanya terdapat dua buah kajian realisme yang meneliti karya-karya SN, iaitu kajian Karim Abdullah (2018) dan kajian A. Rahim Abdullah (2015). Kedua-dua kajian ini dikenal pasti meneliti karya-karya SN yang sama, iaitu SN Usman Awang. Oleh yang demikian, kajian ini melihat wujudnya satu lagi kelompangan kerana masih banyak lagi SN lain yang belum dikupas atau diteliti karya-karya mereka menggunakan teori ini. Karim Abdullah (2018) memberi tumpuan terhadap dua aspek aspek realisme yang dikemukakan oleh Usman Awang dalam karyanya, iaitu aspek penindasan sosial dan juga ciri masyarakat materialistik yang mendorong berlakunya penindasan sosial dalam kalangan masyarakat. A. Rahim Abdullah (2015) pula menumpukan permasalahan masyarakat dalam karya-karya Usman Awang berdasarkan tiga konteks, iaitu lokal, global dan global. Ringkasnya, dapatan kedua-dua kajian ini menunjukkan karya-karya SN menawarkan impak signifikan terhadap kehidupan masyarakat malahan impak ini tidak terbatas pada konteks lokal semata-mata sebaliknya lebih luas menjangkau konteks global dan global, iaitu menghasratkan masyarakat berdaya maju seterusnya mampu bersaing dengan masyarakat luar. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa kajian realisme seumpama ini haruslah dilaksanakan dengan lebih giat agar impak karya-karya sastera terutamanya karya-karya SN dapat dimanfaatkan masyarakat seterusnya dapat memacu kemajuan negara ke arah yang diinginkan.

## Permasalahan Kajian

Kewujudan karya-karya SN yang bermutu ini turut menghadapi cabarannya tersendiri. Peredaran zaman yang kini lebih tertumpu kepada teknologi maklumat dan komunikasi serta permintaan Revolusi Industri 4.0 telah menjadikan karya sastera dan golongan pengarang tidak mendapat perhatian yang sepatutnya daripada masyarakat. Muadib Mohamad (2021), misalnya menyatakan bahawa sastera tempatan tidak mempunyai ramai penggemar, malah jika dilihat dari segi kadar jualan, buku SN pun tidak banyak terjual. Situasi ini jelas menunjukkan karya-karya sastera tempatan termasuklah karya-karya SN tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat negara ini. Kewujudan golongan pengarang termasuklah SN juga dilihat tidak dianggap penting oleh masyarakat di negara ini (Imlan Adabi, 2019). Buktinya, SN Usman Awang pernah menyatakan keluhannya bahawa: "...Sasterawan Negara tidak ada apa-apa selain gelaran tanpa pengiktirafan negara." (Imlan Adabi, 2019, para. 40). Keluhan hampir serupa turut disuarakan SN A. Samad Said yang menurutnya, "...banyak buku Sasterawan Negara yang terabai penerbitannya dan sasaran untuk meluaskan pengedaran karya sering bergelut dengan pelbagai halangan" (Imlan Adabi, 2019, para. 38). Selaras perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta permintaan Revolusi Industri 4.0 masa kini, fokus pembangunan dewasa ini telah berubah dan lebih tertumpu kepada elemen seperti sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM sehingga perhatian terhadap elemen selain STEM terutamanya kesusasteraan menjadi semakin pudar dan tidak lagi dipedulikan sepenuhnya. Menyedari hakikat permasalahan ini, Maszlee Malik (2021) telah mengemukakan cadangan agar STEM diperkasa menjadi STREAM dengan memasukkan elemen membaca atau *reading* dan juga sastera atau *arts* dengan harapan dapat menghasilkan masyarakat yang mempunyai sudut pandang yang mencapah menerusi gabungan elemen-elemen daripada aliran sains dan sastera. Pemeraksanaan ini secara langsungnya dapat meningkatkan perhatian masyarakat terhadap elemen kesusasteraan seterusnya akan dilihat sama penting dengan elemen seperti STEM dalam proses pembangunan masyarakat dan negara.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang melanda karya-karya sastera termasuklah golongan pengarang terutamanya SN di negara ini, kajian ini berpendapat sekiranya elemen kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN dapat dikemukakan secara tuntas dan konkrit, maka masyarakat akan lebih terbuka menerima lantas menjadikan karya-karya sastera termasuklah golongan pengarang sebagai panduan dan teladan ke arah mencapai kemajuan yang diinginkan dan tidak lagi tertumpu hanya pada elemen seperti STEM semata-mata. Berkenaan permasalahan penerimaan masyarakat pula, kajian ini berpandangan elemen kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya ini amatlah signifikan untuk diteliti kerana melaluinya masyarakat dapat memahami kandungan khususnya pemikiran yang berimpak terhadap pembangunan masyarakat dan negara yang disampaikan dalam karya-karya mereka. Oleh itu, masyarakat akan lebih menghargai kewujudan karya-karya sastera tempatan dan juga peranan golongan pengarang terutamanya SN dalam usaha mencapai kemajuan yang diinginkan. Sehubungan itu, kajian ini menetapkan tiga objektif seperti berikut, iaitu menganalisis pemikiran realisme lengkap yang dikemukakan oleh Rahman Shaari dalam novel *Cengkaman Hasrat* (2015), memperincikan hubungan dan impak pemikiran Rahman Shaari dalam novel *Cengkaman Hasrat* (2015) terhadap pembangunan masyarakat dan negara, dan mengemukakan kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

## Metodologi Kajian


Kajian ini dilaksanakan terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) karya Rahman Shaari. Pemilihan novel ini sebagai data kajian dilakukan berdasarkan pertimbangan pengarangnya merupakan SN mutakhir. Statusnya sebagai SN mutakhir amatlah signifikan dan relevan khususnya dari segi peredaran masa serta perkembangan semasa kegiatan kesusasteraan di negara ini. Pemilihan novel *Cengkaman Hasrat* (2015) turut mengambil kira novel ini sebagai novel yang terkini ditulis Rahman Shaari selaras dengan prinsip realisme yang dikemukakan oleh Lukacs (1990), iaitu karya sastera sebagai cerminan atau gambaran timbal balik kenyataan sosial termasuklah dari segi peredaran masanya di samping pendapat Brown

(2021) yang menekankan aspek pengekspresian realiti dalam sesebuah karya sastera agar sedekat mungkin dengan realiti yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Dari sudut objektif kajian, data kajian yang dipilih ini dapat menjadi sampel bagi mewakili keseluruhan karya-karya SN di negara ini selari dengan konsep persampelan, iaitu dengan melibatkan atau menggunakan hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan populasi yang dikaji bagi membolehkan generalisasi berkaitan populasi tersebut dibuat (Nor Afidah Abu Bakar, 1991). Hasil analisis terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) ini pada akhir kajian ini dapat menjadi generalisasi atau hujah bagi mengemukakan kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Keseluruhannya, kajian ini dijalankan dalam skop yang mampu menjamin pencapaian objektif-objektif kajian seperti yang telah ditentukan seterusnya dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang melanda karya-karya sastera dan golongan pengarang di negara ini.

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) berlandaskan prinsip kritikan realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) bagi mengenal pemikiran yang signifikan terhadap tema kemasyarakatan yang merangkumi tema sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama yang membolehkan kepengarangan Rahman Shaari ini diterima sebagai sebuah kepengarangan realisme lengkap seterusnya menjadi bukti kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN. Bagi tujuan tersebut, prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) digunakan sebagai penanda atau kriteria penilaian bagi menilai data-data pemikiran yang diperoleh daripada proses analisis. Prinsip-prinsip ini terdiri daripada prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan oleh Lukacs dalam empat buah karyanya, iaitu *The Theory of the Novel* (1963), *Marxism and Human Liberation* (1978), *Studies in European Realism* (1989) dan *History and Class Consciousness* (1990). Di samping itu, kaedah kepustakaan turut digunakan bagi mengenal pasti hubungan dan kesan pemikiran Rahman Shaari terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Hasil analisis menggunakan kedua-dua kaedah ini seterusnya dikemukakan secara deskriptif dengan mengemukakan data pemikiran penulis beserta bukti-bukti realisme dan juga kesan pemikiran tersebut terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

## Rajah 1


### *Prinsip Realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990)*



Beralih pada proses analisis data pula, analisis kajian ini dilakukan berpandukan kerangka analisis berikut, iaitu:

**Rajah 2**

*Kerangka Analisis*



Rajah 2 menunjukkan kerangka analisis kajian. Perincian tentang langkah-langkah kajian yang dikemukakan dalam kerangka analisis pula adalah seperti berikut, iaitu analisis karya sastera, analisis pemikiran penulis dan dapatan pemikiran realisme. Analisis karya sastera merupakan proses mengumpul data pemikiran daripada novel yang dikaji. Bagi tujuan ini, kaedah analisis kandungan digunakan dan dilaksanakan menerusi kaedah bacaan intensif secara rapi bagi mengenal pasti pemikiran realisme yang dikemukakan oleh Rahman Shaari dalam novelnya. Data pemikiran yang menjadi fokus dalam analisis ini terdiri daripada gambaran tentang realiti kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan tema-tema kemasyarakatan yang terdiri daripada sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Data yang diperoleh ini seterusnya direkodkan sebagai data mentah untuk dianalisis pada peringkat berikutnya. Analisis pemikiran penulis pula melibatkan proses merekod data-data mentah daripada proses analisis sebelum ini dianalisis dengan cara mengelaskan data-data pemikiran penulis berdasarkan cakupan dan kesannya terhadap tema-tema kemasyarakatan seperti yang telah dinyatakan. Sekiranya data yang diperoleh dikenal pasti mencakupi atau memberikan kesan terhadap satu-satu tema kemasyarakatan, maka data tersebut diterima sebagai data pemikiran penulis. Data-data yang tidak menyentuh serta tidak memberi sebarang impak terhadap tema kemasyarakatan seterusnya digugurkan dan tidak akan dianalisis pada pada peringkat seterusnya. Analisis kritikan realisme Lukacs pula bertujuan menilai data-data pemikiran yang telah dikenal pasti daripada dua peringkat analisis sebelum ini. Bagi memenuhi objektif kajian yang mensasarkan untuk memperincikan hubungan dan kesan pemikiran Rahman Shaari dalam novel *Cengkaman Hasrat* (2015) terhadap pembangunan masyarakat dan negara, analisis ini dilakukan dalam dua fasa, iaitu analisis perbandingan realisme dan seterusnya analisis estetika realisme. Analisis perbandingan realisme dijalankan untuk menilai dan mengenal pasti hubungan data-data pemikiran dengan realiti kehidupan masyarakat di negara ini. Analisis ini dilakukan menerusi kaedah kepustakaan, iaitu dengan membandingkan data-data pemikiran penulis dengan bukti-bukti realisme yang terdiri daripada dokumen-dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, undang-undang, akta, ucapan pemimpin, jurnal-jurnal ilmiah, artikel-artikel, berita, buku dan



juga dokumen-dokumen yang berkaitan. Data pemikiran penulis akan dipastikan selari dan bertepatan dengan bukti-bukti realisme yang dibandingkan. Dengan demikian, data pemikiran penulis yang telah dikenal pasti dapat dibuktikan benar-benar selari dan bertepatan dengan realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan Masyarakat. Dalam pada itu, analisis perbandingan realisme ini juga bertujuan untuk mengesahkan dan mengukuhkan data-data yang diperoleh. Data-data yang tidak dapat dibuktikan keselariannya dengan bukti-bukti realisme akan digugurkan dan tidak akan dianalisis pada fasa berikutnya. Walau bagaimanapun, data-data yang telah kesian selari dengan bukti-bukti realisme ini masih belum boleh diterima sebagai data pemikiran realisme sebelum dibuktikan mampu memberikan kesan terhadap kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, analisis fasa kedua atau analisis estetika realisme dilakukan bagi menilai dan mengenal pasti kesan data pemikiran terhadap kehidupan masyarakat berdasarkan pencapaian prinsip-prinsip realisme seperti yang ditetapkan oleh Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Prinsip-prinsip ini dijadikan sebagai kriteria atau indikator penilaian tahap pencapaian estetika realisme bagi satu-satu data pemikiran. Data-data pemikiran akan dinilai dengan cara memadankannya dengan prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan oleh Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Melalui padanan ini, perincian tentang kesan atau impak pemikiran terhadap masyarakat juga dapat dikenal pasti dan dikemukakan. Data-data yang tidak mencapai dan tidak menepati prinsip-prinsip realisme serta tidak memberikan impak yang signifikan terhadap masyarakat akan digugurkan dan tidak diterima sebagai data pemikiran realisme. Data akhir yang diperoleh seterusnya diterima sebagai data pemikiran realisme. Data-data pemikiran penulis yang diterima sebagai data pemikiran realisme merupakan data akhir yang akan dipersembahkan sebagai dapatan kajian. Namun begitu, sebelum dipersembahkan, data-data ini dikemukakan secara deskriptif dengan menjelaskan cakupannya terhadap tema-tema kemasyarakatan, keselariannya dengan realiti kehidupan masyarakat, dan juga kesannya terhadap kehidupan masyarakat. Data-data pemikiran realisme yang dipersembahkan sebagai dapatan pemikiran ini seterusnya dapat dijadikan bukti kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya SN khususnya terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

### **Analisis Data dan Perbincangan**

Lukacs (1978) menegaskan bahawa sastera realis tidak boleh dipisahkan daripada segala dimensi kehidupan. Demikianlah juga halnya dengan proses pembangunan masyarakat dan negara yang tidak boleh mengabaikan aspek-aspek kemasyarakatan yang menunjanginya. Pembahasan tentang aspek-aspek kemasyarakatan seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam sesebuah karya dilihat menjadikan sesebuah karya itu sebagai sebuah karya realis yang lengkap. Hasil analisis terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) mendapati bahawa karya ini sememangnya menepati ciri sebuah karya realis lengkap dengan menyentuh kesemua tema kemasyarakatan yang menjadi tunjang ke arah memajukan masyarakat dan negara. Perincian tentang hasil analisis yang dilakukan ini seperti berikut, iaitu:

#### **Pemikiran Realisme Rahman Shaari Terhadap Tema Sosial**

Perbincangan tentang kemajuan sesebuah masyarakat dan negara pastinya tidak terlepas daripada membincangkan persoalan tentang trend atau gaya sosial kehidupan masyarakat. Trend sosial sesebuah masyarakat sering menjadi indikator dalam menilai sesebuah masyarakat itu sendiri, sama ada dilihat sebagai masyarakat yang stabil, harmoni dan sejahtera ataupun sebaliknya. Lukacs (1978) dalam kupasannya terhadap karya-karya Dostoevsky menegaskan agar sesebuah karya sastera haruslah mampu menghadirkan dinamika masa depan perkembangan sosial, moral dan psikologi. Penegasan ini jelas menunjukkan bahawa Lukacs (1978) meletakkan perkembangan sosial sebagai tunjang utama kemajuan masyarakat. Justeru, trend sosial masyarakat merupakan suatu tema yang signifikan dibincangkan bagi mewujudkan kehidupan masyarakat “humanis”. Dalam konteks kajian ini, Rahman Shaari kesian mengkritik permasalahan kejiranan khususnya dalam kalangan masyarakat bandar. Pemikiran atau kritikan ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

“Sikap Ah Hock tu memang macam tu, mak su pun tahu. Kepada mak su pun dia soal, ‘Dah makan? Atau ‘Dah minum?’ Bagus juga tu. Tapi, macam mana dengan jiran di sebelah kiri? Pujira benar-benar ingin tahu.

“Itu pelajar-pelajar universiti. Abang rasa, tiada masalah,” kata Sulpan. “Mereka sibuk dengan hal kuliah dan tugas.”

“Betul kata pak su tu. Mereka tu tersenyum saja, jika bersapa sekadar beri salam. Hubungan dengan kami terlalu formal.” Riyana menyampuk percakapan Sulpan.

“Yang di kiri dan yang di kanan tipikal stail jiran bandar baru,” kata Pujira. Dia mahu mengkritik segi keburukan sikap begitu, tetapi disimpan dulu.

(Rahman Shaari, 2015, p. 46)

Petikan tersebut memaparkan kritikan Rahman Shaari terhadap sikap masyarakat bandar yang digambarkannya kurang mesra sesama jiran tetangga. Berlandaskan prinsip realisme Lukacs (1990) yang menitikberatkan hubung kait karya sastera dengan realiti kehidupan, permasalahan yang dikemukakan Rahman Shaari ini dikesan bertepatan dengan realiti yang sememangnya berlaku di negara ini. Buktinya, Datuk Seri Najib Razak dalam ucapannya menyatakan: “...hari ini tidak dapat dinafikan semangat kejiranan kian luntur, lebih-lebih lagi di kawasan bandar.” (Rohaniza Idris, 2016, para. 9). Samadi Ahmad (2017, para. 1) dalam rencananya pula menyatakan: “...sikap peka dan mengambil tahu masalah jiran tetangga, kini dilihat semakin pudar dalam kalangan masyarakat negara ini.” Permasalahan sama turut dibahaskan oleh Khairunneezam Mohd Noor (2021, para. 2), menurutnya, “...bagi sesetengah kita yang hidup di bandar dan kota metropolitan, walaupun ‘berkongsi dinding rumah’ yang sama, malangnya cukup sukar untuk mengucapkan salam atau setidaknya-tidaknya melontar senyuman.” Pendapat Samadi Ahmad (2017) dan Khairunneezam Noor (2021) menjadi bukti realisme yang jelas menunjukkan permasalahan jiran yang kurang mesra sememangnya berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat. Oleh itu, pemikiran yang dikemukakan ini terbukti mempunyai hubungan yang jelas dengan realiti kehidupan masyarakat di negara ini.

Dari sudut pemikiran dan kesannya, kritikan Rahman Shaari ini berupaya memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka selaras dengan prinsip karya realis menurut Lukacs (1990) yang tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosial semata-mata, sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosial untuk mengatasi permasalahan yang wujud dalam kehidupan. Menyingkap kembali tentang semangat kejiranan masyarakat tradisional menurut Datuk Seri Najib Razak dalam Rohaniza Idris (2016, para. 6-8), “...pada zaman dahulu, di kawasan luar bandar semangat kejiranan sangat tinggi, jika ada berita baik diterima, akan dihebahkan ke seluruh pelosok kampung, kalau ada kenduri, satu kampung juga akan bergotong-royong, memasak, melakukan persiapan, mengemas dan sebagainya.” Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pemikiran yang disampaikan Rahman Shaari sebenarnya mengkehendaki masyarakat agar kembali mengamalkan kehidupan berjiran dan bersosial seperti yang diamalkan masyarakat terdahulu. Pemikiran yang disampaikan ini jelas mendukung gagasan realisme yang ditegaskan oleh Lukacs (1990), iaitu untuk membebaskan manusia menuju pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh atau memurnikan manusia menjadi “alamiah kembali”. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa Rahman Shaari sebenarnya berusaha mendidik masyarakat supaya mengubah cara hidup dengan kembali mengamalkan kehidupan berjiran yang mesra dan harmoni seperti masyarakat terdahulu yang diyakini dapat mengukuhkan perpaduan seterusnya dapat memacu kemajuan masyarakat dan negara.

## Pemikiran Realisme Rahman Shaari Terhadap Tema Pendidikan

Kehidupan masyarakat yang stabil, harmoni dan sejahtera semata-mata tidaklah menjamin kemajuan sesebuah masyarakat, sebaliknya perlu disertakan dengan pendidikan yang berkualiti tidak kira pendidikan yang bersifat akademik mahupun pendidikan bersifat insaniah yang menumpukan tentang pembentukan nilai dalam kalangan masyarakat. Pendidikan merupakan elemen yang turut ditekankan oleh Lukacs (1990) dalam sesebuah karya realis dengan mengkehendaki setiap karya realis berupaya menghadirkan daya transformasi bagi mendidik dan menggerakkan masyarakat ke arah kemajuan dan kehidupan humanis.

Lukacs (1990) menegaskan bahawa karya realis tidak terbatas pada kemampuannya menggambarkan realiti semata-mata, sebaliknya turut berupaya mendidik masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan haruslah dilihat menerusi perspektif yang luas dengan tidak menyempitkan konteksnya hanya pada pendidikan bersifat akademik dan formal di institusi pendidikan semata-mata, sebaliknya turut melihat pendidikan yang dilakukan secara tidak formal khususnya yang dilakukan oleh ibu bapa di rumah. Pendidikan di rumah berkait rapat dengan aspek-aspek pembentukan nilai seperti adab sopan, hormat-menghormati, tanggungjawab, serta nilai kebersihan dalam diri anak-anak. Menyedari hakikat ini, Rahman Shaari dikenal pasti berusaha memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan aspek pendidikan di rumah seperti petikan di bawah:

'Sulpan tahu, jika sikap seseorang itu teruk betul, sukar sekali untuk diubah. Jahara memberitahunya, Riyana ialah gadis yang berbakat mengemas rumah dan bekerja di dapur. Masa kecilnya dia rajin melipat kain, mengatur kasut dan memotong kacang panjang. Cuma, selama dia belajar di sekolah, dia telah dimanjakan, tidak disuruh membuat apa-apa oleh ibu dan bapanya. Akhirnya, dia membiarkan ibunya bekerja seorang diri di rumah. Dia membaca buku, jika dia membantu ibunya, bantuannya sekerat jalan'.

(Rahman Shaari, 2015, p. 22)

Menerusi petikan tersebut, Rahman Shaari telah mengemukakan pendapatnya tentang kepentingan pendidikan di rumah dengan menyentuh peranan ibu bapa dalam membentuk nilai dalam kehidupan anak-anak. Dengan menyentuh tentang sikap ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak, pendapat Rahman Shaari ini dilihat sebagai sebuah wacana pendidikan yang berlandaskan prinsip Lukacs (1990) yang menggerakkan manusia menuju pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh. Pemikiran Rahman Shaari ini secara realitinya turut disuarakan oleh Ahmad Shaherman Shamsuri (2022, para. 13-15), menurutnya "...jika ibu bapa terlalu berlembut dengan anak, ibarat memberi ruang sebesar mungkin untuk mereka melakukan apa saja, tanpa kawalan atau had. Lebih membimbangkan, sikap ibu bapa sebeginilah yang mendidik anak menjadi tuan. Sekalipun ibu bapa ini nampak begitu lembut dan penuh kasih sayang, namun sebenarnya boleh merosakkan peribadi, sikap dan masa depan anak." Kesan sikap terlalu memanjakan anak yang dikemukakan oleh Ahmad Shaherman Shamsuri (2022) jelas selari dengan kesan yang turut dikemukakan oleh Rahman Shaari. Justeru, prinsip pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh seperti yang ditekankan Lukacs (1990) pastinya tidak dapat dicapai kerana anak-anak yang terlalu dimanjakan ini mungkin mengalami kekurangan dari segi nilai khususnya nilai kebersihan dan tanggungjawab. Pemikiran yang dikemukakan ini dapat diterima sebagai sebuah refleksi realiti kehidupan masyarakat secara benar, lengkap, hidup dan dinamik seperti yang ditekankan oleh Lukacs (1990).

Dari sudut pemikiran dan kesannya, pemikiran Rahman Shaari jelas mendukung prinsip Lukacs (1990) ke arah memurnikan masyarakat khususnya anak-anak menuju pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh terutamanya dalam aspek nilai kebersihan dan tanggungjawab. Selaras konsep mendidik dan juga prinsip daya transformasi, pemikiran yang dikemukakan ini berupaya menjadi mekanisme yang mampu mendidik masyarakat khususnya golongan ibu bapa agar berubah dan mengamalkan gaya

keibubapaan yang lebih efektif agar dapat membentuk dan mempersiapkan generasi muda bagi menghadapi kehidupan bermasyarakat di luar sana seperti pendapat Nor Afidah Abu Bakar (2019, para. 1), “Apabila anak bebas tanpa peraturan di rumah, dia tidak akan tahu hidup berperaturan di luar rumah.” Oleh itu, jelaslah bahawa pemikiran yang dikemukakan Rahman Shaari ini sememangnya berimpak ke arah mewujudkan kehidupan masyarakat humanis seperti yang ditekan oleh Lukacs (1990) seterusnya dapat mempersiapkan generasi muda untuk berhadapan dengan masyarakat dan dunia luar.

### **Pemikiran Realisme Rahman Shaari Terhadap Tema Ekonomi**

Dalam pada itu, untuk berhadapan dengan masyarakat dan dunia luar, kekuatan ekonomi sesebuah masyarakat turut menjadi aspek penting bagi memastikan masyarakat mampu bertahan dan berdaya saing. Justeru, masyarakat haruslah dipersiapkan dengan pengetahuan tentang ekonomi dan kewangan agar mampu menguruskannya secara efektif bagi mengelakkan sebarang risiko yang boleh menjejaskan kehidupan. Kepentingan mempersiapkan masyarakat dengan pengetahuan tentang ekonomi dan kewangan turut menjadi tumpuan Lukacs (1990) sesuai dengan pandangannya yang melihat politik dan ekonomi sebagai lubang kesempatan yang sering digunakan sesetengah kelas untuk mengaut keuntungan dengan menindas kelas lain yang tidak faham tetapi terpaksa terlibat.

Karya sastera menurut Lukacs (1990) hendaklah menggambarkan perjuangan masyarakat yang ingin membebaskan diri daripada penderitaan akibat suatu sistem kekuasaan. Ekonomi atau kewangan sering dilihat sebagai suatu sistem yang mempengaruhi kesejahteraan hidup seseorang individu mahupun sesebuah masyarakat. Kewujudan pelbagai cabang ekonomi dewasa ini diakui banyak membantu mengubah nasib dan kehidupan masyarakat. Namun, masih terdapat sebahagian masyarakat gagal bertahan dan tidak kurang yang tertindas dalam sistem ekonomi akibat tindakan sesetengah pihak yang mementingkan keuntungan semata-mata. Situasi ini merupakan antara fokus Lukacs (1990) berdasarkan saranannya kepada pengkarya realis agar menjadikan perkembangan kapitalis yang mementingkan keuntungan semata-mata sebagai pusat keprihatinan dalam berkarya. Menyahut saranan ini, Rahman Shaari dikesan mempraktikkan prinsip ini melalui pendedahannya tentang muslihat penipuan yang sering dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memproleh keuntungan dengan menipu masyarakat. Hal ini dapat dilihat seperti berikut, iaitu;

‘Percakapan sampai ke maksud utama kedatangannya. Mereka membincangkan hal kereta Maimunah, yang asalnya rosak sedikit, kemudian menjadi rosak teruk setelah lama berada di bengkel. Rosli mengemukakan pengetahuannya tentang hal begitu. Maimunah dan Mustaffa kian tahu tentang helah orang mencari wang lebih dalam bidang itu.’

(Rahman Shaari, 2015, p. 182)

“Mereka itu sindiket.” Rosli bersuara jelas. “Kereta kakak tu ialah salah sebuah kereta yang diketuk di depan dan di belakang, supaya nampak macam mangsa pelanggaran berderetan. Mereka *claim* dengan menggunakan insurans kereta mahal, sebab kereta mahal ada insurans yang tinggi. Katakan mereka *claim* kerosakan kereta kakak RM3,000, dan mereka mereka gunakan kereta-kereta lain lima buah lagi, jumlahnya tujuh buah kereta termasuk kereta mahal tu. RM3,000 kali tujuh buah kereta, dah jadi RM21,000. Mereka *claim* sebanyak itulah, malah lebih.”

(Rahman Shaari, 2015, p. 184)

Rahman Shaari menerusi petikan tersebut secara terbukanya mendedahkan realiti tindakan tidak jujur pengusaha bengkel dalam urusan tuntutan insurans kenderaan yang terlibat kemalangan. Realiti yang digambarkan oleh Rahman Shaari ini jelas sekali seperti pandangan Lukacs (1990) yang melihat ekonomi sebagai lubang kesempatan bagi sesetengah pihak mengaut keuntungan dan menindas pihak lain yang tidak faham sama sekali tetapi terpaksa terlibat. Rahman Shaari dengan jelas

mendedahkan kewujudan sindiket yang menjadikan urusan tuntutan insurans kenderaan sebagai lubang kesempatan mengaut keuntungan dengan menindaskan pemilik kenderaan dengan cara menambah kerosakan pada kenderaan mereka agar dapat membuat tuntutan insurans yang lebih besar. Situasi ini secara realitinya sememangnya benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Buktinya, Hisyamuddin Ayub (2021, para. 5-7) mendedahkan bahawa; “Kisah benar ini dikongsi sendiri oleh seorang ejen insurans dikenali sebagai Kamil yang mengetahui di sebalik ketirisan tuntutan insurans kemalangan yang berlaku di negara ini. Katanya, kelebihan yang ada pada penilai insurans kemalangan kerana golongan ini boleh membuat runding harga dan mempunyai ramai kenalan dalam kalangan pemain industri. Sebagai contoh, jika berlaku satu-satu kemalangan, nilai harga kerosakan yang perlu diperbaiki sebanyak RM8,000 tetapi mereka boleh menaikkan nilai kerosakan sehingga RM30,000.” Bukan itu sahaja, Athirah (2022) turut mendedahkan wujudnya penipuan membesar-besarkan jumlah kerugian kenderaan yang mengalami kemalangan. Menurutnya: “...mereka akan membuat tuntutan yang keterlaluan di mana nilai barang yang rosak adalah lebih besar daripada nilai sebenar” (Athirah, 2022, para. 14). Dalam pada itu, Policy Street (2021) turut mendedahkan tentang penipuan (*scam*) bengkel yang biasanya berlaku di negara ini. Menurut mereka: “Mekanik biasanya akan menokok tambah kerosakan dan mengenakan anda caj yang tidak masuk akal untuk membaikinya. Scam jenis ini menjadi semakin berleluasa kerana amat susah untuk anda buktikan bahawa kemalangan itu bukan kesilapan anda” (Policy Street, 2021, para. 10-11). Pendedahan Ayub (2021), Athirah (2022) dan Policy Street (2021) ini menjadi bukti realisme yang jelas menunjukkan situasi seperti ini sememangnya berlaku di Malaysia.

Dari sudut pemikiran dan kesannya, pendedahan Rahman Shaari ini dikenal pasti bertujuan memberi pengetahuan tentang wujudnya sindiket yang menjalankan kegiatan tidak jujur dalam urusan tuntutan insurans kenderaan di negara ini. Berteraskan prinsip Lukacs (1990) yang menganggap ekonomi sebagai lubang kesempatan yang menguntungkan kelas tertentu dan menindas kelas lain, maka pendedahan Rahman Shaari ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat yang mungkin tidak mengetahui tentang kewujudan penipuan seperti ini, di samping dapat menjadi pedoman kepada mereka agar lebih berwaspada serta dapat mengurangkan risiko daripada menjadi mangsa penipuan. Oleh itu, pemikiran yang dikemukakan ini terbukti bermanfaat kepada masyarakat. Pemikiran ini juga terbukti mendukung prinsip pembebasan yang menjadi tunjang perjuangan Lukacs (1990) dalam mengembangkan teori realisme. Tuntasnya, Rahman Shaari menerusi pemikirannya ini sebenarnya berusaha membebaskan masyarakat daripada menjadi mangsa penindasan dalam sektor atau sistem kewangan insurans oleh pihak yang tidak jujur yang menjadikan sektor itu sebagai lubang kesempatan mengaut keuntungan secara tidak sah.

### **Pemikiran Realisme Rahman Shaari Terhadap Tema Politik**

Di samping itu, kestabilan politik turut diperlukan bagi memberdayakan masyarakat ke arah kemajuan yang diinginkan. Dalam konteks negara ini yang mengamalkan sistem demokrasi, masyarakat haruslah didedahkan dan diberikan pemahaman tentang konsep, prinsip dan lunas-lunas demokrasi agar dapat membentuk masyarakat yang demokratik serta mampu berfikir secara rasional dalam menentukan hala tuju kepemimpinan negara. Prinsip ini sememangnya menjadi perhatian Lukacs (1978) melalui penekanannya tentang prinsip pemahaman terhadap gerak sosial menuju masyarakat yang demokratik dan humanis yang perlu ditampilkan dalam sesebuah karya realis.

Sastera realis menurut Lukacs (1989) lahir dan berkembang di negeri yang sarat dengan persoalan politik. Oleh itu, karya realis pastinya tidak terlepas daripada membahaskan persoalan politik. Pembentukan masyarakat yang demokratik dan humanis seperti yang dihasratkan Lukacs (1978) bergantung pada amalan politik yang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan prinsip daya transformasi untuk menggerakkan dan mendidik masyarakat yang dikemukakan oleh Lukacs (1990), kajian ini berpendapat bahawa sesebuah karya sastera juga boleh dijadikan sebagai medium mendidik masyarakat tentang amalan-amalan politik yang baik dan matang. Tambahan pula, menurut

Lukacs (1978), karya sastera sememangnya tidak boleh dipisahkan daripada segala dimensi kehidupan individu. Dalam konteks kajian ini, Rahman Shaari turut dikesan membahaskan persoalan politik dalam penulisannya. Rahman Shaari telah mengemukakan pemikirannya tentang pertimbangan atau rasional dalam memilih pemimpin. Pemikirannya itu dapat dilihat menerusi petikan berikut, iaitu;

‘Ceramah politik di Coventry itu memang ceramah oleh pemimpin pembangkang. Penceramah kelihatan agak berlenggok-lenggok, agak kepondanan, tetapi isi ceramahnya kemas. Pengetahuannya luas, dan Shahab merasakan jarang sekali ahli politik daripada pihak kerajaan yang berpengetahuan sedemikian luas. Penceramah tahu tentang jumlah kilang kelapa sawit FELDA dan nilai aset FELDA. Dia juga tahu tentang pembelian tanah oleh Tabung Haji, dan dia dapat pula menyatakan maksud *bail out* yang sesekali disebut oleh tokoh perniagaan tahap nasional. Selaku pelajar ilmu perniagaan, Shahab merasakan ada juga sedikit faedah dia mendengar ceramah itu, walaupun secara keseluruhannya dia sedar kerja pembangkang ialah mengatakan kerajaan tidak betul’.

(Rahman Shaari, 2015, p. 210-211)

“Tadi, seorang pelajar Malaysia bagi tahu saya, esok pagi ada ceramah lagi. Ceramah esok oleh wakil pihak Kerajaan Malaysia. Kita hadir boleh tak?” Raizah membuat cadangan dalam bentuk pertanyaan.

“Oh, elok, elok. Tadi kita dengar suara pembangkang, dan esok kita dengar suara pihak kerajaan. Barulah betul-betul berimbang.” Shahab tersenyum.

(Rahman Shaari, 2015, p. 211)

Rahman Shaari menerusi petikan tersebut dikenal pasti mengemukakan pemikiran yang menyarankan agar masyarakat memilih pemimpin secara berhemah. Selain melihat ketokohan seseorang pemimpin berceramah dan berpidato, Rahman Shaari turut menyarankan agar masyarakat tidak mempercayai bulat-bulat setiap maklumat yang disampaikan. Rahman Shaari turut memberi saranan agar masyarakat mendengar daripada kedua-dua pihak, baik daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang sebelum memilih pemimpin atau membuat keputusan berpihak kepada mana-mana pertubuhan politik. Saranan Rahman Shaari ini secara realitinya dikesan selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohd Afandi Mat Rani dalam rencana Nor Afzan Mohamad Yusof (2019, para. 13), menurutnya, “...pemimpin bukan individu “tangkap muat” hingga usaha pemilihannya perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh, barulah terlepas daripada tuntutan kewajipan dalam pemilihan amanah kepimpinan.” Selain itu, Mohd Afandi Mat Rani turut mengingatkan orang ramai agar bertabayun atau menyelidiki sebelum menyebarkan dan mempercayai sesuatu maklumat (Nor Afzan Mohamad Yusof, 2019). Rencana Nor Afzan Mohamad Yusof (2019) ini merupakan bukti realisme bahawa tuntutan memilih pemimpin secara berhemah sememangnya menjadi perkara yang ditekankan dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa pemikiran yang disampaikan oleh Rahman Shaari ini berupaya menghadirkan kesedaran serta pemahaman kepada masyarakat tentang kepentingan memilih pemimpin secara berhemah. Hal ini jelas selari dengan prinsip realisme yang memberi perhatian terhadap masalah kesedaran kerana menurut Lukacs (1989), kesedaran merupakan kekuatan yang menggerakkan manusia kepada kefahaman dan keberadaannya. Menyentuh berkenaan saranan Rahman Shaari agar masyarakat tidak mempercayai bulat-bulat setiap maklumat yang disampaikan dan juga saranan agar masyarakat bertabayun atau menyelidiki sebelum mempercayai sesuatu maklumat (Mohd Afandi Mat Rani dlm. Nor Afzan Mohamad Yusof, 2019). Kedua-dua saranan ini jelas sekali menepati prinsip dan tanggungjawab penulis realis terhadap proses pembebasan manusia daripada segala bentuk kepalsuan (Lukacs, 1989).

Dari sudut pemikiran dan kesannya, pemikiran atau saranan yang dikemukakan Rahman Shaari ini berupaya memberi pemahaman kepada masyarakat tentang amalan-amalan politik yang baik dan matang khususnya dalam memilih pemimpin. Pemikiran yang dikemukakan ini jelas menepati prinsip daya transformasi yang ditekankan Lukacs (1990) dan terbukti mampu menggerakkan dan mendidik masyarakat ke arah pembudayaan amalan politik yang baik di samping dapat mengelakkan masyarakat daripada menerima akibat buruk, kerana menurut Lukacs (1990) politik sering menjadi lubang kesempatan bagi sesetengah pihak mengaut keuntungan dan menindas pihak lain yang tidak memahaminya. Pemikiran Rahman Shaari ini juga dikenal pasti mampu membebaskan masyarakat daripada segala bentuk kepalsuan seperti yang dinyatakan oleh Lukacs (1989). Pemikiran yang dikemukakan ini sebenarnya berusaha mendidik masyarakat dengan cara memberikan panduan tentang aspek-aspek yang perlu diambil kira serta dipertimbangkan dalam memilih pemimpin dalam suasana yang penuh demokratik dan humanis di samping turut memberi peringatan kepada masyarakat agar sentiasa berwaspada dan tidak mempercayai sesuatu perkara yang disampaikan sebelum menyelidikinya atau mendengar daripada kedua-dua belah pihak. Pemikiran Rahman Shaari ini secara tuntasnya jelas berimpak ke arah melahirkan masyarakat yang bukan sahaja demokratik malah humanis, iaitu melalui pewujudan suasana politik yang stabil.

### **Pemikiran Realisme Rahman Shaari Terhadap Tema Agama**

Perbincangan tentang kemajuan masyarakat tidak akan lengkap sekiranya tidak membincangkan tentang agama yang menjadi pegangan dan cara hidup masyarakat. Kefahaman dan penghayatan terhadap ajaran agama merupakan pelengkap sebuah kehidupan yang humanis. Melaluinya, masyarakat akan dipimpin dan tercegah daripada melakukan tindakan di luar norma yang bercanggah dengan prinsip sosial, moral mahupun psikologi yang begitu ditekankan oleh Lukacs (1990) dalam sesebuah karya realis dengan menetapkan sesebuah karya realis seharusnya mampu memurnikan manusia ke arah pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh. Lukacs (1978) menegaskan sastera realis juga tidak boleh dipisahkan daripada segala dimensi kehidupan. Oleh yang demikian, persoalan agama dilihat sama pentingnya dengan persoalan-persoalan kemasyarakatan yang lain malah merupakan pelengkap dalam usaha memajukan dan menambah baik kehidupan masyarakat.

Agama dalam konteks kehidupan masyarakat difahami sebagai pegangan atau ajaran yang menjadi cara hidup masyarakat dengan prinsip kepercayaan kepada Tuhan menjadi terasnya. Agama juga sering dikaitkan dengan pembentukan moral dalam diri seseorang individu mahupun masyarakat. Maka, berdasarkan perspektif realisme, kajian ini berpendapat persoalan agama dalam sesebuah karya merupakan persoalan yang mampu menghadirkan dinamika, iaitu mampu menggerakkan masyarakat ke arah perkembangan moral atau kerohanian seperti yang dianjurkan dalam ajaran agama. Dalam konteks kajian ini, persoalan agama yang dibahaskan lebih tertumpu kepada persoalan berkaitan agama Islam. Rahman Shaari dalam karyanya dikesan telah mengemukakan pemikirannya berkaitan kewajipan memelihara aib. Pemikirannya ini dapat dilihat menerusi petikan berikut, iaitu;

Zuria yang berada di dalam bilik bersama-sama Rayini masih memperlihatkan rasa hairan. "Akrab sungguh Mustaffa dengan Shahab," katanya.

"Mereka bersahabat sejak di sekolah rendah," jawab Rayini. Dia tidak mungkin bercerita tentang segala hal. Biarlah orang tahu setakat yang mereka tahu. Agama tidak meminta, bahkan mencegah dia berkisah tentang sesuatu yang mengaibkan.

(Rahman Shaari, 2015, p. 211)

Rahman Shaari menerusi petikan tersebut telah menyampaikan pemikiran tentang perbuatan membuka aib yang begitu dilarang dalam Islam. Sebagai sebuah aliran yang menekankan prinsip memurnikan manusia ke arah pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh (Lukacs, 1990), pemikirannya ini dilihat mampu memurnikan masyarakat dengan cara memberi peringatan tentang larangan membuka aib yang merupakan satu daripada ajaran agama Islam. Peringatan ini juga dilihat mampu membawa masyarakat kepada prinsip “alamiah kembali”, iaitu kembali kepada ajaran agama yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Justeru, al-Quran dan hadis dalam konteks kajian ini dilihat menjadi bukti realisme utama yang menunjangi pemikiran keagamaan yang disampaikan ini. Buktinya: larangan membuka aib dalam hadis bernombor 1955 yang diriwayatkan oleh Tirmizi, sabda Rasulullah S.A.W., iaitu; “Janganlah engkau mengumpat orang-orang Islam dan jangan membuka aib mereka, (kerana) sesungguhnya orang yang membuka aib saudaranya yang muslim, maka Allah akan membuka aibnya.” Hal ini dikenal pasti selari dan jelas menjadi tunjang pemikiran yang dikemukakan oleh Rahman Shaari dalam penulisannya. Pemikirannya ini turut dikenal pasti selari dengan pendapat Nur Mohammad Hadi Zahalan (2021, para. 1), “Aib merupakan satu perkara yang disembunyikan oleh manusia melainkan mereka sendiri yang mendedahkannya kepada orang lain. Setiap manusia mempunyai keaiban masing-masing. Islam tidak membenarkan untuk menyebarkan keaiban sendiri apatah lagi orang lain.” Dari sudut realitinya pula, Nurulfatiha (2021, para. 4) dalam tulisannya mempersoalkan: “Malangnya, entah mengapa masih ada segelintir orang yang tanpa segan silu menjaja aib sendiri? Demikian juga ada yang tergamak membuka aib orang lain tanpa memikirkan impaknya kepada individu tersebut termasuk ahli keluarganya.” Tambahnya lagi, umat Islam diajar supaya tidak sewenang-wenangnya membuka aib sendiri. Apatah lagi, kelemahan yang terdapat pada orang lain (Nurulfatiha, 2021). Oleh itu, kajian ini memperlihatkan pemikiran yang disampaikan oleh Rahman Shaari ini sememangnya menepati prinsip pemurnian manusia yang dianjurkan Lukacs (1990) serta selari dengan tuntutan agama Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis.

Dari sudut pemikiran dan kesannya, selain mendukung prinsip pemurnian manusia sebagai manusia yang utuh dan “alamiah kembali” yang ditegaskan oleh Lukacs (1990), pemikiran Rahman Shaari ini turut dilihat mampu menjadi daya transformasi bagi mendidik dan menggerakkan masyarakat agar tidak lagi melakukan perkara yang ditegah. Perlakuan membuka aib secara realitinya menurut Nurulfatiha (2021) boleh mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat. Menurutnya yang mengemukakan hasil temu bualnya bersama-sama Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, iaitu; “Aib bermaksud kelemahan yang boleh menjatuhkan maruah seseorang.” (Abdullah dalam Nurulfatiha, 2021, para. 8). Tambahnya lagi, “...tindakan mendedahkan perbuatan dosa secara terbuka itu dikhuatiri dapat mengundang fitnah kepada pelaku dan secara tidak langsung seolah-olah menggalakkan orang lain melakukan dosa yang sama (Abdullah dalam Nurulfatiha, 2021, para. 12). Kesan yang dinyatakan ini dalam konteks kemasyarakatan jelas sekali bercanggah dengan prinsip humanis yang ditegaskan Lukacs (1990) di samping menjadikan masyarakat tidak dihormati serta dipandang rendah oleh masyarakat lain. Oleh itu, pemikiran Rahman Shaari jelas mampu memberikan kesedaran dan kepada masyarakat tentang kesan yang bakal diterima sekiranya masyarakat berterusan melakukannya. Ringkasnya, pemikiran Rahman Shaari ini berperanan sebagai peringatan buat masyarakat agar sentiasa berpegang pada ajaran agama serta patuh pada setiap larangannya.



## Kesimpulan

Hasil dapatan pemikiran realisme Rahman Shaari dalam novel *Cengkaman Hasrat* (2015) menunjukkan bahawa karya realis lengkap ini yang menyentuh aspek kemasyarakatan secara menyeluruh selari dengan prinsip Lukacs (1978) yang tidak memisahkan sesebuah karya daripada segala dimensi kehidupan. Hasil analisis juga mendapati kesemua pemikiran yang dikemukakan sememangnya selari dengan prinsip-prinsip yang ditegaskan oleh Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Pemikiran-pemikiran yang dikemukakan Rahman Shaari didapati selari dengan realiti-realiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat berdasarkan pembuktian menerusi hasil analisis perbandingan realisme seperti yang dikemukakan. Seyogianya, pemikiran-pemikiran Rahman Shaari ini terbukti berjaya merefleksikan realiti kehidupan masyarakat secara benar, lengkap, hidup dan dinamik seperti saranan Lukacs (1990). Dari aspek kesannya pula, kesemua pemikiran yang dikemukakan oleh Rahman Shaari dikenal pasti mendukung prinsip daya transformasi dan berupaya menggerakkan serta mendidik masyarakat seperti dikemukakan oleh Lukacs (1990). Kupasan tentang kesan pemikiran Rahman Shaari membuktikan kepengarangannya tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosialnya semata-mata, sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosialnya untuk mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan (Lukacs, 1990). Oleh itu, terbukti bahawa kepengarangan yang ditampilkan oleh Rahman Shaari sememangnya memberi impak positif terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Pembuktian ini seterusnya dapat menjadi hujah yang kuat bahawa karya-karya SN sememangnya memiliki kekuatan, kelebihan dan kepentingannya dalam proses pembangunan masyarakat dan negara.

## Rujukan

- A. Rahim Abdullah. (2015). Usman Awang: Perspektif seorang nasionalis dan realisme-sosialis dalam puisi-puisinya. Dalam Anwar Ridhwan (Ed.), *Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang* (pp. 21-54). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Shaherman Shamsuri. (2022, Jun 10). Manjakan anak, jangan sampai mereka jadi 'tuan'. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/06/10/manja-anak-jangan-sampai-jadi-tuan/>
- Asyraff Jamin (2018a, September 23). Realisme: Aliran sastera yang semakin jernih. *Mingguan Malaysia*, 12-13.
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2021). Realisme ekonomi masyarakat Malaysia dalam karya Indie. *Asian People Journal*, 4(1), 11-25. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.191>
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2020). Wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika*, 12(1), 1-10. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1621/873>
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet (2018b). Menghapus prejudis perkauman melalui karya Indie: Analisis terhadap novel *Kunang Pesisir Morten*. *Maltesas Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68. [https://www.researchgate.net/publication/330162572\\_Menghapus\\_Prejudis\\_Perkauman\\_Melalui\\_Karya\\_Indie\\_Analisis\\_Terhadap\\_Novel\\_Kunang\\_Pesisir\\_Morten](https://www.researchgate.net/publication/330162572_Menghapus_Prejudis_Perkauman_Melalui_Karya_Indie_Analisis_Terhadap_Novel_Kunang_Pesisir_Morten)
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2018c). Kritik *saran sistem pendidikan Malaysia dalam karya Indie*. [Pembentangan Kertas Kerja]. Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2018, TH Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. [https://www.researchgate.net/publication/328150195\\_Kritik\\_Saran\\_Sistem\\_Pendidikan\\_Malaysia\\_dalam\\_Karya\\_Indie](https://www.researchgate.net/publication/328150195_Kritik_Saran_Sistem_Pendidikan_Malaysia_dalam_Karya_Indie)

- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2019). *Karya Indie: Sastera kontemporari bernilai pendidikan*. Pro-siding Seminar Pedagogi dan Inovasi Kebangsaan. [Pembentangan Kertas Kerja]. Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggung Ibrahim, Johor Bahru. [https://www.researchgate.net/publication/335978718\\_KARYA\\_INDIE\\_SASTERA\\_KONTEMPORARI\\_BERNILAI\\_PENDIDIKAN](https://www.researchgate.net/publication/335978718_KARYA_INDIE_SASTERA_KONTEMPORARI_BERNILAI_PENDIDIKAN)
- Athirah. (2022, April 18). *Elak jadi mangsa penipuan insurans kereta*. <https://bjak.my/blog/elak-jadi-mangsa-penipuan-dalam-insurans-kereta/>
- Brown, C. (2021, Februari 4). 8 isu realisme untuk memahami pergerakan. *Warbletoncouncil*. <https://ms1.warbletoncouncil.org/temas-del-realismo-14068>
- Hisyamuddin Ayub. (2021, Jun 30). Rosak RM8,000, tuntutan sampai RM30,000. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/147168/rosak-rm8000-tuntut-sampai-rm30000>
- Imlan Adabi (2019, September 8). Sasterawan Negara - Ada tak apa, tak ada pun tak apa. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/491117>
- Karim Abdullah. (2018). *Idealisme Usman Awang dalam perspektif realisme sosialis*. Cukong Press.
- Khairunneezam Mohd Noor. (2021, Julai 6). Bulat air kerana pembentung, bulat jiran tetangga kerana muafakat. *Malaysia Gazette*. <https://malysiagazette.com/2021/07/06/bulat-air-kerana-pembentung-bulat-jiran-tetangga-kerana-muafakat/>
- Lukacs, G. (1963). *The theory of the novel*. The Merlin Press.
- Lukacs, G. (1978). *Marxism and human liberation*. Delta Publishing.
- Lukacs, G. (1989). *Studies in European realism*. Merlin Press.
- Lukacs, G. (1990). *History and class consciousness*. Merlin Press.
- Mary Fatimah Subet. (2017). Emosi dan ironi dalam puisi Usman Awang: Tafsiran pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 305-333. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/2521/1421>
- Maszlee Malik. (2021, April 26). Sastera, sasterawan dan pendidikan. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/572293>
- Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamruddin (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya Sasterawan Negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 17-25. 1. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2015-0302-02>
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman. (2015). Konsep perjuangan Anwar Ridhwan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 141-166. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9699/6846>
- Muhammad Irfan Nyia Abdullah, Tengku Nor Faizul Tengku Embong, Nordin Shaari, & Che Mansor Che Tom. (2019). Perubahan Pemikiran dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh. *MUADDIB Jurnal Penyelidikan*, 13(1). [https://myjournal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/88269/7.pdf](https://myjournal.mohe.gov.my/filebank/published_article/88269/7.pdf)
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, & Jehwae, P. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 68-87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.5.2020%20>
- Muadib Mohamad. (2021, Disember 7). Tiada Sasterawan Negara pun tidak apa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2021/12/896276/tiada-sasterawan-negara>

- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel "Orang Kota Baru". *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 13-22. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-02>
- Nurulfatiha. (2021). Jangan sesekali buka aib diri dan orang lain. Allah SWT tutup segala cela manusia, tak wajar kita dedahkannya. *Sinar Plus*. <https://sinarplus.siharharian.com.my/agama/jangan-sesekali-buka-aib-diri-dan-orang-lain-allah-swt-tutup-segala-cela-manusia-tak-wajar-dedahkannya/>
- Noor Afidah Abu Bakar. (2019, April 12). *Pendidikan bermula dari rumah*. My Parent Connect. <https://my-parentconnect.com/2019/04/12/pendidikan-bermula-dari-rumah/>
- Nor Afzan Mohamad Yusof. (2019, Ogos 16). Usah tangkap muat pilih pemimpin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/596548/usah-tangkap-muat-pilih-pemimpin>
- Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2021, Julai 30). Sembunyikan aib sendiri, tutuplah aib orang... cegah kemungkaran melalui saluran yang betul agar tidak timbul fitnah. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/07/30/sembunyikan-aib-sendiri-tutuplah-aib-orang-cegah-kemungkaran-melalui-saluran-yang-betul-agar-tak-timbul-fitnah>
- Policy Street. (2021). *5 Scam jalan raya yang anda perlu berwaspada di Malaysia!*. <https://www.policystreet.com/ms/artikel/scam-jalan-raya-malaysia>
- Rahman Shaari. (2015). *Cengkaman hasrat*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Rohaniza Idris (2016, Januari 22). Kukuhkan perpaduan melalui semangat kejiranan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/01/116971/kukuhkan-perpaduan-melalui-semangat-kejiranan-pm>
- Roslan Chin. (2021). Analisis karakteristik realisme dalam antologi cerpen "Sewangi-Wangi Tulang" karya Muhd. Mansur Abdullah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 17-29. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/140>
- Samadi Ahmad (2017, Oktober 14). Sikap prihatin dalam kejiranan semakin pudar. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/337264/sikap-prihatin-dalam-kejiranan-semakin-pudar-pun-tidak-apa>
- Selden, R. (1991). *Panduan membaca teori sastra masa kini* (Terjemahan Pradopo, R. D.). Gajah Mada University Press.
- Winstedt, R.O. (1940). A history of Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17(3), 1-243. <https://www.jstor.org/stable/41559944>
- Yau, C. T. (2015). *Realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia* [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.